



BUKU PANDUAN

Kenaikan Pangkat Staf Akademik

Pensyarah Kanan • Profesor Madya • Profesor

Edisi Ketiga Cetakan Pertama Tahun 2014

**Universiti Sains Malaysia berhak untuk meminda maklumat di dalam buku panduan ini
dari semasa ke semasa tanpa sebarang prejudis.**

KANDUNGAN

	Muka surat
Pendahuluan	
I. A. Prinsip-Prinsip Umum	3
● Kandungan dan Pengkuantifikasian	3
● Kualiti	5
● Ketelusan dan Keadilan	5
B. Penjelasan Butiran	6
● Kriteria Penilaian	6
● Penyelidikan dan Penerbitan	7
- Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Ilmu	
● Pengajaran dan Penyeliaan	8
● Sanjungan dan Kepemimpinan Akademik	8
● Perundingan	8
● Khidmat Kepada Universiti	8
● Khidmat Kepada Masyarakat/Industri	9
C. Prinsip-Prinsip Umum Jawatan Pensyarah Kanan, Profesor Madya dan Profesor	9
II. Prosedur	9
III. Panduan Umum Permohonan	11
- Panduan Mengisi Borang	
● Borang USM PK1, PM1, P1	11
● Borang USM PK2, PM2, P2	12
Kriteria Kenaikan Pangkat Staf Akademik	12
Pensyarah Kanan, Profesor Madya dan Profesor	
Rangka Tugas dan Keanggotaan Jawatankuasa Pensyarah Kanan, Profesor Madya dan Profesor (Lampiran A)	32

PENDAHULUAN

Tujuan panduan ini adalah untuk menerangkan prinsip-prinsip umum dalam eksesais kenaikan pangkat staf akademik dan juga perkara-perkara yang diambil kira. Selain itu, panduan ini juga mempermudah serta menerangkan proses-proses permohonan. Ia juga mengandungi 3 perkara utama:

- I. Prinsip-prinsip umum
- II. Prosedur
- III. Panduan umum permohonan

I. A. PRINSIP-PRINSIP UMUM

Kandungan dan Pengkuantifikasian

1. USM merupakan sebuah institusi akademik yang bertanggungjawab memperluaskan bidang pengetahuan di samping menyebarkannya. Selaras dengan fungsi ini, kategori-kategori berikut dititikberatkan dan menjadi asas penilaian bagi staf akademik.

Aktiviti/Kategori	Justifikasi
Penyelidikan dan Penerbitan	Penilaian dibuat khususnya bagi aktiviti-aktiviti akademik utama ini.
Pengajaran dan Penyeliaan	
Sanjungan dan Kepemimpinan Akademik	Sanjungan akademik merujuk pengiktirafan yang diberikan oleh komuniti akademik kepada seseorang manakala kepemimpinan akademik merujuk keupayaan untuk memimpin kelompok akademiknya . Perkara ini meliputi anugerah akademik, penilaian tesis, artikel, jurnal kenaikan pangkat, penilai kertas kerja, penglibatan dalam persatuan akademik dan profesional, syaran undangan, ucap utama, dilantik sebagai ahli lembaga penyunting jurnal dan sebagainya.
Perundingan	Calon juga perlu membawa kewangan kepada Universiti demi menjayakan serta memperkembangkan aktiviti-aktiviti akademik Universiti dan sekaligus menyumbang kepada usaha pengkorporatan Universiti di samping meningkatkan moral staf . Walau bagaimanapun, Universiti memberikan penekanan terhadap kerja-kerja perundingan tanpa bayaran dalam kalangan staf akademik.

Khidmat kepada Universiti	Penilaian juga merangkumi aktiviti pentadbiran demi menjayakan aktiviti-aktiviti akademik tersebut.
Libatsama Komuniti/Industri	Libatsama Komuniti/Industri merujuk kepada proses di mana organisasi dan individu membina secara berterusan, hubungan tetap dan kerjasama yang memberi manfaat kepada masyarakat/industri.
Kecemerlangan Klinikal	Aspek kecemerlangan perubatan atau pergigian termasuk tugas-tugas klinikal yang lebih menyeluruh.

2. Ke semua penilaian di bawah setiap kategori **dikuantifikasikan** dengan menggunakan markah supaya pengiraan dapat dibuat oleh pihak penilai dan pihak calon. Walau bagaimanapun, julat markah digunakan untuk mengambil kira perbezaan kualiti yang mungkin timbul.
3. Penilaian dibuat pada **hasil** dan bukan proses yang dijalankan. Sebagai contoh, usaha penyelidikan perlu menghasilkan penerbitan. Oleh itu hanya penerbitan diambil kira. Sama juga, penyeliaan pelajar adalah berdasarkan yang tamat dan bukan yang sedang diselia.
4. Bagi perkara-perkara yang tidak melibatkan hasil, khususnya yang melibatkan sesuatu **pelantikan**, markah diberikan kepada tahap **akademik/sanjungan** yang dicapai untuk memperoleh pelantikan tersebut dan bukan aktiviti-aktiviti yang perlu dijalankan sebagai ekoran pelantikan itu. Sebagai contoh, markah diberikan kepada pelantikan sebagai Dekan, oleh itu tiada markah diberikan kepada semua aktiviti yang memerlukan penglibatan calon sebagai seorang Dekan (iaitu yang melibatkan semua Dekan). Dalam kes yang serupa, markah diberikan bagi pelantikan sebagai seorang perunding/pemegang paten sama ada calon menerima ganjaran atau tidak. Seterusnya, markah tambahan diberikan kepada kuantum kewangan yang diterima (sekiranya ada).
5. **Semua tugas rasmi** diambil kira (umpamanya pengajaran, aktiviti klinikal, penyeliaan latihan industri/projek/pengajaran, dsb.) dan tugas ini diberikan markah sewajarnya supaya calon dapat memenuhi syarat minimum sekiranya beliau menjalankan tugas seperti yang diharapkan. Oleh itu, seseorang calon akan mendapat markah tambahan sekiranya beliau membuat kerja tambahan yang berlainan jenis. Walau bagaimanapun, hanya nilai tambahan diambil kira (seperti penerbitan dll.). Perkara ini merupakan tanggungjawab calon untuk menterjemahkan aktiviti-aktiviti tersebut kepada aktiviti/hasil lain yang memberikan markah tambahan.
6. Selaras dengan era **pengkorporatan** USM, aktiviti perundingan, sanjungan dan kepemimpinan akademik diberikan penghargaan yang tinggi.
7. **Khidmat** kepada Universiti dan Komuniti/Industri diambil kira kerana universiti merupakan sebuah institusi penggerak masyarakat.

Kualiti

1. Had maksimum ditetapkan untuk pengumpulan markah bagi aktiviti atau hasil yang tidak begitu cemerlang dari segi akademik dan yang merupakan sebahagian daripada tugas seseorang staf akademik. Ini bermakna hasil yang berperingkat tinggi sahaja yang membezakan seseorang calon dari yang lain.
2. Calon telah mencapai taraf antarabangsa yang meliputi aspek-aspek seperti berikut:
 - (i) telah menerbitkan dalam jurnal antarabangsa.
 - (ii) telah menyandang jawatan akademik kunjungan antarabangsa.
 - (iii) telah menerima anugerah akademik antarabangsa.
 - (iv) telah dilantik sebagai penilai/pemeriksa luar antarabangsa.
 - (v) pernah bertugas sebagai penilai artikel/jurnal antarabangsa.
 - (vi) pernah memberi syarahan jemputan antarabangsa.
 - (vii) telah berjaya bertindak sebagai ‘ketua projek’ bagi geran antarabangsa.

Ketelusan dan Keadilan

1. Pada amnya penilaian dibuat berdasarkan bidang **disiplin** dan tidak secara piawai bagi semua disiplin.
2. Apabila dokumen-dokumen yang dikemukakan menunjukkan calon itu telah mencapai **tahap sesuai** maka calon berkenaan boleh dipertimbangkan untuk maju ke peringkat seterusnya.
3. Seseorang calon yang memohon dinilaiakan berdasarkan **pencapaian keseluruhan** dan bukan dalam sesuatu kategori sahaja.
4. Penilaian dibuat oleh Jawatankuasa Pemilih yang dibantu oleh Jawatankuasa Penilaian Awal. Calon boleh mencadangkan kelompok yang bersesuaian dengan bidangnya.

B. PENJELASAN BUTIRAN

Kriteria Penilaian

A. Penilaian Dalam Kelompok

Markah digunakan bagi pengiraan setiap aktiviti/hasil.

B. Pelarasan Antara Kelompok

Prosedur berikut akan digunakan bagi tujuan pelarasan antara kelompok:-

(i) Jumlah markah berpemberat M_a untuk kategori:

1. Penyelidikan dan Penerbitan (markah = M_1),
2. Pengajaran dan Penyeliaan (markah = M_2),
3. Sanjungan dan Kepemimpinan Akademik (markah = M_3) serta
4. Perundingan (markah = M_4)

diberikan sebagai:

Pensyarah Kanan

$$M_a = 0.2M_1 + 0.5M_2 + 0.05M_3 + 0.05M_4$$

Profesor Madya

$$M_a = 0.35M_1 + 0.3M_2 + 0.1M_3 + 0.1M_4$$

Profesor

$$M_a = 0.35M_1 + 0.15M_2 + 0.2M_3 + 0.1M_4$$

Markah terlaras pemberat M_A diberikan oleh $M_A = f_p * M_a$
dengan f_p = faktor pelarasan antara pusat pengajian dalam sesuatu
kelompok, $1.0 \leq f_p \leq 1.5$

(ii) Jumlah markah berpemberat M_b untuk kategori:

5. Khidmat Universiti (markah = M_5) serta
6. Libatsama Komuniti/Industri (markah = M_6)

diberikan sebagai:

Pensyarah Kanan

$$M_b = 0.1M_5 + 0.1M_6$$

Profesor Madya

$$M_b = 0.1M_5 + 0.05M_6$$

Profesor (Khidmat kepada Universiti digabung dengan Libatsama Komuniti/Industri/ Kecemerlangan Klinikal)

$$M_b = 0.2M_5$$

(iii) Faktor pelarasan, F_i bagi setiap kelompok ditetapkan berdasarkan disiplin. Faktor F_i ditentukan dengan mengambil kira median markah M_A oleh Jawatankuasa Kelompok dengan syarat F_i tidak melebihi 1.5.

(iv) Jumlah markah terlaras M_T diberikan sebagai:

$$M_T = F_i * M_A + M_b; \\ 1.0 \leq F_i \leq 1.5$$

(v) Calon diberi pangkat berdasarkan M_T .

Penyelidikan dan Penerbitan

Penyelidikan dan Penerbitan diberikan keutamaan tertinggi kerana aktiviti ini bukan sahaja dapat memperluaskan bidang pengetahuan tetapi juga menyumbang kepada aktiviti pengajaran yang lebih berkesan (lebih terkini, lebih *hands-on*, dsb.). Malah, aktiviti ini akan menyumbang kepada semua aktiviti lain yang disenaraikan.

Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Ilmu

Dalam usaha untuk menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa ilmu yang berwibawa, ke arah pembinaan tamadun bangsa yang cemerlang, maka Bahasa Malaysia hendaklah diberi keutamaan dalam usaha pemerksaan penerbitan ilmiah di Malaysia. Namun, penerbitan dalam Bahasa Inggeris tidaklah diabaikan.

Selaras dengan itu, semua pemohon adalah diperlukan juga untuk menerbitkan penulisan ilmiah dalam Bahasa Malaysia. Penilai kesepakaran diminta meneliti hal ini.

Pengajaran dan Penyeliaan

Kategori ini mengukur tugas rasmi calon. Walaupun pengajaran diutamakan, penyeliaan projek tahun akhir/latihan amali dan perkhidmatan klinikal turut dipertimbangkan. Keunggulan calon digambarkan oleh bilangan siswazah yang telah diijazahkan.

Sanjungan dan Kepemimpinan Akademik

Sanjungan akademik merujuk **pengiktirafan yang diberikan komuniti akademik kepada seseorang** manakala kepemimpinan akademik merujuk kepada **keupayaan untuk memimpin kelompok akademiknya**.

Hal ini meliputi anugerah akademik penilaian tesis, artikel, jurnal kenaikan pangkat, penilai kertas kerja, penglibatan dalam persatuan akademik dan profesional, syarahan undangan, ucap utama, dilantik sebagai ahli lembaga penyunting jurnal dan sebagainya.

Perundingan

Kategori ini merujuk keupayaan seseorang ahli akademik untuk memberikan khidmat perundingan dalam bidang kepakarannya melalui pelantikan untuk menyelesaikan masalah tertentu. Oleh yang demikian, pemberian markah akan berdasarkan projek dan calon perlulah dilantik sebagai perunding.

Pada asasnya, dua jenis perundingan di kena pasti, iaitu perundingan yang mempunyai ganjaran dan perundingan yang tidak mempunyai ganjaran. Perbezaan asas antara kedua-duanya ialah ganjaran kewangan yang diperoleh calon (tidak termasuk honorarium, per diem, dsb.), dan sama ada projek ini melibatkan pembayaran kepada Universiti atau tidak.

Perundingan yang membawa kewangan digalakkan dalam era pengkorporatan. Akan tetapi, projek-projek yang berbentuk khidmat kepada masyarakat (tanpa caj) terus digalakkan dengan syarat klien tidak akan mengambil keuntungan dari projek tersebut.

Khidmat Kepada Universiti

Kategori ini merujuk kepada penglibatan dan sumbangan seseorang ahli akademik dalam semua aktiviti universiti untuk **menjayakan wawasan, perancangan dan hala tuju universiti**. Terdapat dua jenis penglibatan :

- (a) berasaskan jawatan pentadbiran (contoh: Dekan/Pengarah, Timbalan Dekan/Timbalan Pengarah, Pengerusi/Penyelaras).
- (b) berasaskan keupayaan dan kepakaran individu.

Markah diberikan hanya sekali bagi sesuatu pelantikan: Tiada markah tambahan akan diberikan bagi tugas-tugas yang dikaitkan kepada jawatan yang dipegangnya. Walau bagaimanapun, markah tambahan diberikan sekiranya beliau dilantik sebagai ahli sesuatu jawatankuasa atas dasar peribadi.

Libatsama Komuniti/Industri

Kategori ini merujuk sumbangan seseorang ahli akademik kepada masyarakat di luar universiti, khususnya dalam bidang/aktiviti bukan akademik. Markah diberikan kepada sesuatu pelantikan dan tidak mengambil kira beban tugas yang terlibat.

C. PRINSIP-PRINSIP UMUM

JAWATAN PENSYARAH KANAN

Agihan pemberat bagi jawatan Pensyarah Kanan adalah sebanyak 20% untuk sumbangan Penyelidikan dan Penerbitan, 50% untuk Pengajaran dan Penyeliaan, 5% untuk Sanjungan dan Kepemimpinan Akademik, 5% untuk Perundingan, 10% untuk Khidmat Kepada Universiti dan akhirnya 10% untuk Khidmat Kepada Masyarakat.

JAWATAN PROFESOR MADYA

Agihan pemberat bagi jawatan Profesor Madya adalah sebanyak 35% untuk sumbangan Penyelidikan dan Penerbitan, 30% untuk Pengajaran dan Penyeliaan, 10% untuk Sanjungan dan Kepemimpinan Akademik, 10% untuk Perundingan, 10% untuk Khidmat Kepada Universiti dan akhirnya 5% untuk Khidmat Kepada Masyarakat.

JAWATAN PROFESOR


Agihan pemberat bagi jawatan Profesor adalah sebanyak 35% untuk sumbangan Penyelidikan dan Penerbitan, 15% untuk Pengajaran dan Penyeliaan, 20% untuk Sanjungan dan Kepemimpinan Akademik, 10% untuk Perundingan, 20% untuk Khidmat Kepada Universiti/Libatsama Komuniti/Industri dan Kecemerlangan Klinikal.

Ke semua sumbangan ini dapat mencerminkan *all-roundedness* seseorang calon tetapi masih mementingkan aktiviti-aktiviti akademik yang utama seperti penyelidikan, penerbitan, pengajaran dan penyeliaan bagi ketiga-tiga jawatan.


II. PROSEDUR

Jawatan Pensyarah Kanan & Profesor Madya

Prosedur merupakan salah satu perkara yang paling penting dalam keseluruhan langkah kenaikan pangkat. Oleh yang demikian, sistem yang diamalkan adalah bertujuan meringkaskan prosedur permohonan kenaikan pangkat di samping memastikan bahawa cara pelantikan adalah telus (adil dan saksama). Sistem pelantikan adalah seperti Rajah 1(a) dan Rajah 1(b) seperti berikut :



Rajah 1(a) : Jawatan Pensyarah Kanan dan Profesor Madya



Rajah 1(b) : Jawatan Profesor

Jawatan Profesor Madya & Profesor

3. Penilai Luar

- (i) Tiga (3) Penilai Luar bertaraf Profesor dalam bidang berkaitan dinamakan oleh calon dan sekurang-kurangnya satu (1) daripadanya akan dipilih oleh Jawatankuasa Pemilih
- (ii) Pusat Pengajian/Pusat juga diminta menamakan penilai-penilai luar bertaraf Profesor dalam bidang berkaitan.

III. Panduan Umum Permohonan

1. Garis panduan lengkap diberikan kepada semua staf.

2. Borang Permohonan:

- (i) Ruang disediakan untuk calon memberikan keterangan kelayakannya memegang jawatan yang dipohon.
- (ii) Ketua Jabatan perlu mengesahkan butiran maklumat, borang senarai semak (*checklist*) dan borang permohonan calon.

Panduan Mengisi Borang

Semua calon mesti mengisi borang yang telah disediakan iaitu Borang USM PK1, USM PM1 dan USM P1. Calon juga dikehendaki menyediakan butir jadiri (cv) mengikut format Borang USM PK2, USM PM2 dan USM P2.

Borang USM PK1

Format Borang USM PK1 mempunyai dua bahagian A dan B. Bahagian A ialah butir-butir peribadi, B ialah ulasan ketua jabatan.

Calon hanya perlu mengisi bahagian A sahaja dan halaman pertama borang tersebut merupakan suatu senarai semakan (*checklist*). Bahagian A adalah mudah dan tidak memerlukan sebarang penjelasan.

USM PM1 dan USM P1

Format Borang USM P1 mempunyai lima bahagian iaitu A, B, C, D dan E. Bahagian A ialah butir-butir peribadi, B ialah ulasan jaya diri, C ialah ringkasan justifikasi untuk kenaikan pangkat, D ialah ulasan ketua jabatan dan E ialah pencalonan penilai luar. Calon hanya perlu mengisi bahagian A, B, C dan E sahaja dan mukasurat pertama borang tersebut merupakan suatu senarai semakan (*checklist*).

Bahagian A adalah mudah dan tidak memerlukan sebarang penjelasan manakala bagi bahagian B pula, calon perlu merumuskan pencapaian bagi setiap bidang berasaskan maklumat dalam butir jayadiri. Oleh yang demikian, calon dinasihati supaya menyediakan vitae kurikulum terlebih dahulu. Calon juga dinasihati supaya menonjolkan keunggulan diri dalam rumusan ini. Oleh kerana ruang yang disediakan bagi setiap bidang ini adalah terhad, calon dinasihati supaya tidak menyenaraikan maklumat yang terkandung di dalam butir jayadiri. Rumusan bagi setiap bidang itu mesti menggambarkan prestasi dan pencapaian dan seterusnya menunjukkan sebab-sebab calon layak dinaikkan pangkat. Ulasan jaya diri adalah penting bagi membuat penilaian yang wajar berdasarkan maklumat dalam butir jaya diri. Butir jayadiri akan dihantar kepada penilai luar.

Bagi bahagian E, calon digalak menamakan tiga penilai luar (bertaraf Profesor penuh) yang dianggap oleh calon boleh memberikan penilaian yang wajar dan adil. Daripada ketiga-tiga nama ini, sekurang-kurangnya satu akan dipilih oleh pihak Universiti.

Borang USM PK2, USM PM2 dan USM P2

Borang kedua sebenarnya merupakan suatu butir jayadiri terpandu (*guided cv*). Pada sebelah kanan setiap aktiviti/hasil, terdapat satu lajur ‘markah yang diberikan oleh anda’. Calon dikehendaki menghitung markah bagi setiap bahagian atau kategori pada ruang yang disediakan secara jujur.

Sila ambil perhatian bahawa anda dikehendaki menyertakan SATU salinan bagi setiap penerbitan dan apa-apa dokumen lain yang berkaitan dengan hasil dan aktiviti yang disenaraikan di dalam butir jayadiri terpandu (*guided cv*) anda.

**KRITERIA KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK
JAWATAN PENSYARAH KANAN, PROFESOR MADYA DAN PROFESOR**

Jadual Pemberat dan Markah

KRITERIA	Peratus Pemberat		
	PK**	PM**	P**
Penyelidikan dan Penerbitan	20	35	35
Pengajaran dan Penyeliaan	50	30	15
Sanjungan dan Kepemimpinan Akademik	5	10	20
Perundingan	5	10	10
Khidmat Kepada Universiti	10	10	
Libatsama Komuniti/Industri	10	5	
Khidmat Kepada Universiti/Libatsama Komuniti/Industri/Kecemerlangan Klinikal			20
JUMLAH	100	100	100

**PK : Pensyarah Kanan

PM : Profesor Madya

P : Profesor

KRITERIA KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK
PENSYARAH KANAN
PROFESOR MADYA
PROFESOR

1.1 PENYELIDIKAN DANPENERBITAN

1.2 Penerbitan Sebagai Hasil Penyelidikan

No.	Hasil	PK		PM		P		Catatan
		Setiap Hasil	Max	Markah Setiap Hasil	Max	Setiap Hasil	Max	
(a)	(i) Buku Penyelidikan • Antarabangsa • Kebangsaan	21 – 24 12 – 15		21 – 24 12 – 15		21 – 24 12 – 15		<ul style="list-style-type: none"> • Hasil Penyelidikan • Diwasit dan disunting • Penerbit yang diiktiraf <p>Buku Penyelidikan Karya ilmiah yang dihasilkan daripada kajian, penyelidikan atau pemikiran yang menyumbang kepada pembinaan ilmu dan diiktiraf sebagai karya yang bermutu tinggi melalui proses penilaian.</p> <p>Siri Monograf Karya ilmiah berbentuk buku tentang suatu subjek spesifik dan terhad yang didokumenkan secara terperinci dan biasanya dihasilkan oleh seorang pengarang.</p>
	(ii) Monograf • Antarabangsa • Kebangsaan	9 – 10 7 – 8		9 – 10 7 – 8		9 – 10 7 – 8		

No.	Hasil	PK		PM		P		Catatan
		Setiap Hasil	Max	Markah Setiap Hasil	Max	Setiap Hasil	Max	
(b)	Jurnal, e-Jurnal dan Jurnal Prosiding (sila sertakan salinan 'author search' pangkalan data ISI atau pangkalan data antarabangsa lain) <ul style="list-style-type: none"> • Antarabangsa 	3 - 5 7 (non - ISI tetapi dalam pangkalan data antara-bangsa) 10 (ISI)		3 - 5 7 (non - ISI tetapi dalam pangkalan data antara-bangsa) 10 (ISI)		3 - 5 7 (non - ISI tetapi dalam pangkalan data antara-bangsa) 10 (ISI)		<p><i>Non-ISI Serial</i> Asas pertimbangan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sidang Editor • Negara penyumbang • Penilaian/wasit • <i>Readership</i> • Disorot/indeks • Pangkalan data <p>Penilai kesepakaran diminta memberikan ulasan jika makalah bukan dalam bidang pengkhususan calon</p>
	<ul style="list-style-type: none"> • Kebangsaan 	3 (4 jurnal terbitan Penerbit USM)		3 (4 jurnal terbitan Penerbit USM)		3 (4 jurnal terbitan Penerbit USM)		

No.	Hasil	PK		PM		P		Catatan
		Setiap Hasil	Max	Markah Setiap Hasil	Max	Setiap Hasil	Max	
(c)	Bab dalam buku Penyelidikan (bukan prosiding) <ul style="list-style-type: none"> • Antarabangsa • Kebangsaan 	8 (setiap bahan) 5 (setiap bahan)		8 (setiap bahan) 5 (setiap bahan)	70	8 (setiap bahan) 5 (setiap bahan)	70	<ol style="list-style-type: none"> 1. Jumlah markah tidak melebihi markah satu buku Asas pertimbangan: <ul style="list-style-type: none"> • Sidang Editor • Penyumbang • Penerbit • Penilaian/wasit • Suntingan 2. Bab dalam buku bukan merupakan hasil persembahan persidangan
(d)	Prosiding <ul style="list-style-type: none"> • Antarabangsa • Kebangsaan 	3 2		3 2	24	3 2	24	<ol style="list-style-type: none"> 1. Sertakan makalah lengkap 2. Prosiding dalam bentuk <i>hard copy</i> atau CD perlu dihasilkan oleh pengajur persidangan
(e)	Persembahan Persidangan (oral dan poster) <ul style="list-style-type: none"> • Antarabangsa • Kebangsaan 	2 1	20	2 1	15	2 1	15	Kertas kerja yang tidak diterbitkan dalam prosiding atau jurnal.
(f)	Paten <ul style="list-style-type: none"> • Antarabangsa • Kebangsaan 	4 3		4 3		4 3		Permarkahan diberikan kepada produk yang dipaten dan bukan pada bilangan lokasi paten tersebut difailkan

1.3 Penerbitan Pengajaran

No.	Hasil	Markah						Catatan
		PK Setiap Hasil	Max	PM Setiap Hasil	Max	P Setiap Hasil	Max	
(a)	(i) Buku Teks Universiti (Karya Asal) (ii) Bab dalam buku teks Universiti	10 3		10 3		10 3		Asas pertimbangan: <ul style="list-style-type: none">• Proses penilaian dan penyuntingan• Percetakan Pusat Pengajian atau yang setaraf dengannya
(b)	(i) Edisi Awal (ii) Buku Terjemahan	6 4		6 4		6 4		<ul style="list-style-type: none">• Proses penilaian dan penyuntingan• Diterbitkan oleh Penerbit USM atau yang setaraf dengannya• Karya terjemahan buku teks peringkat universiti ke dalam Bahasa Melayu
(c)	(i) Modul Terancang (ii) Edisi <i>fast print</i>	3 2		3 2		3 2		<ol style="list-style-type: none">1. Bantuan pengajaran2. Proses penilaian dan penyuntingan3. Modul yang diluluskan oleh JK PTJ yang setaraf dengannya4. Diterbitkan oleh penerbit yang diiktiraf
(d)	Karya Kreatif Profesional/Studio/ Lukisan/ Tulisan Muzik (i) Karya asal dalam seni halus, reka bentuk, muzik, drama dan teater (individu) (setiap hasil) (sila nyatakan tajuk penerbitan, tarikh, tempat dan maklumat lain				40 (untuk bhg. (i) dan (ii))		40 (untuk bhg. (i) dan (ii))	

No.	Hasil	PK		PM		P		Catatan
		Setiap Hasil	Max	Markah Setiap Hasil	Max	Setiap Hasil	Max	
	<p>yang berkenaan) [Setiap projek/karya asal mestilah dipersembahkan/dirakam/dipamer/ditayang /diprototaipkan]</p> <ul style="list-style-type: none"> • Antarabangsa • Kebangsaan • Negeri <p>(ii) Karya asal dalam seni halus, reka bentuk, muzik, drama dan teater (Kumpulan/kompilasi/susunan) (setiap hasil)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Antarabangsa • Kebangsaan • Negeri 	6 – 8 4 – 5 2 – 3		6 – 8 4 – 5 2 – 3		6 – 8 4 – 5 2 – 3		<p>1. Perincian dan pemarkahan dibuat oleh PTJ untuk kelulusan JK Penyelaras</p> <p>Penilaian menerima pakai beberapa prinsip:</p> <p>(a) Karya asal seni halus, muzik, drama dan teater mestilah diiktiraf oleh badan luar. Seperti juga penerbitan, penilaian yang dibuat berdasarkan badan penerbit bukan penerbitan tersebut. Seperti yang dinyatakan ia mestilah dirakamkan, diterbitkan, dipamerkan, ditayangkan atau diprototaipkan oleh badan luar dari USM. Hal ini bermakna satu senarai badan-badan yang berkenaan mestilah disediakan bersama-sama dengan pemarkahan yang wajar. Contohnya, bagi pementasan di Istana Budaya - berapakah markah yang diberikan dll</p> <p>(b) Penilaian mestilah terhadap satu hasil sahaja. Contohnya, drama yang dipentaskan beberapa kali di beberapa tempat akan dikira sekali saja (dengan mengambil penilaian tertinggi)</p>
	(iii) Kurator/Pengarah/Konduktor/ Ahli Pasukan Kreatif (sila nyatakan tajuk penerbitan, tarikh tempat dan maklumat lain yang berkenaan)							

No.	Hasil	PK		PM		P		Catatan
		Setiap Hasil	Max	Setiap Hasil	Max	Setiap Hasil	Max	
	[Setiap projek/karya asal mestilah dipersembahkan/dirakam/dipamer/ditayang/diprototaipkan] <ul style="list-style-type: none"> • Antarabangsa • Kebangsaan • Negeri 	5 – 6 3 – 4 1 – 2		5 – 6 3 – 4 1 – 2	12	5 – 6 3 – 4 1 – 2	12	
	(iv) Pendaftaran Reka Bentuk/Akta Reka Bentuk Industri/Jenama (sila nyatakan tajuk, nombor, tahun dan negara) <ul style="list-style-type: none"> • Setiap Hasil/Produk 	3		3	12	3	12	
(e)	CAI/Multimedia/perisian/koswer	1 - 3		1 - 3	6	1 - 3	6	

1.4 Geran Penyelidikan

No.	Hasil	PK		PM		P		Catatan
		Setiap Hasil	Max	Setiap Hasil	Max	Setiap Hasil	Max	
(a)	Antarabangsa <ul style="list-style-type: none"> • Ketua program (<i>top down multiple projects</i>) • Ketua Projek • Penyelidik bersama 	10 5 2		10 5 2		10 5 2		Contoh: <ul style="list-style-type: none"> • Badan Antarabangsa • Persatuan Profesional • Industri

No.	Hasil	PK		PM		P		Catatan
		Setiap Hasil	Max	Setiap Hasil	Max	Setiap Hasil	Max	
(b)	Kebangsaan • Ketua program • Ketua Projek • Penyelidik bersama	5 3 1		5 3 1		5 3 1		Contoh: • Kementerian Techno Fund PR/SR Science Fund SAGA FRGS • Agensi Kerajaan FELDA • Industri INTEL TORAY
(c)	Universiti • Ketua Projek • Penyelidik bersama	2 1		2 1	12	2 1	12	Geran Penyelidikan Jangka Pendek atau yang setaraf dengannya

1.5 Penerbitan Lain

No.	Hasil	PK		PM		P		Catatan
		Setiap Hasil	Max	Setiap Hasil	Max	Setiap Hasil	Max	
(a)	(i) Buku Teks - Prauniversiti - Sekolah Menengah - Sekolah Rendah - Prasekolah (ii) Buku Ilmiah Popular	1 – 4		1 – 4	6	1 – 4	6	1. Perlu kelulusan Kementerian 2. Proses penilaian dan penyuntingan 3. Penerbit yang diiktiraf Perlu berkaitan dengan bidang kepakaran

No.	Hasil	PK		PM		P		Catatan
		Setiap Hasil	Max	Markah Setiap Hasil	Max	Setiap Hasil	Max	
(b)	Kerja Penyuntingan Buku/Video dan lain-lain	1 - 4		1 - 4	6	1 - 4	6	Perlu diperakui oleh PTJ atau yang setaraf dengannya
(c)	Multimedia/Perisian <i>(bukan tujuan pengajaran)</i>	1 - 3		1 - 3	6	1 - 3	6	Penilaian dibuat oleh PTPM atau JK pada peringkat PTJ
(d)	Video/Audio	1 - 2		1 - 2	6	1 - 2	6	Penilaian dibuat oleh PTPM atau JK pada peringkat PTJ
(e)	Novel / Antologi Cerpen / Antologi / Puisi	1 - 2		1 - 2	6	1 - 2	6	Karya asli kreatif yang bermutu tinggi dalam bentuk penulisan (seperti novel, cerpen dan puisi) dan seni tampak (seperti catan, lakaran, arca dan fotografi).
(f)	Media Massa (Konvensional)	1		1	12	1	12	Penulisan/skrip untuk diterbitkan dalam surat khabar, majalah, radio, televisyen dan sebagainya
(g)	Laporan <ul style="list-style-type: none"> • Klinikal • Teknikal • Prosedur Operasi Standard 	1 1 1 - 2		1 1 1 - 2	10	1 1 1 - 2	10	Contoh: Prosedur operasi standard: <ul style="list-style-type: none"> • Malaysian Standard • Garis Panduan Amalan Klinikal (Clinical Practice Guideline)

2.0 PENGAJARAN DAN PENYELIAAN

No.	Hasil	PK		PM		P		Catatan
		Setiap Hasil	Max	Setiap Hasil	Max	Setiap Hasil	Max	
(a)	Pengajaran Siswazah/Prasiswazah • Kursus/Blok dengan enrolmen melebihi 200 pelajar akan memperoleh 1 markah tambahan	1		1	40	1	40	Pengalaman mengajar sebelum berkhidmat dengan USM juga diambil kira Maksimum 5 mata per tahun
(b)	Penyeliaan Siswazah (setiap pelajar yang berijazah) (i) PhD • Penyelia Utama • Penyelia Bersama (ii) Sarjana (Penyelidikan) • Penyelia Utama • Penyelia Bersama (iii) Disertasi Kedoktoran/MMed (Mod Campuran) • Penyelia Utama • Penyelia Bersama (iv) Disertasi Sarjana (Mod Campuran) (v) Projek (Mod Kerja Kursus) • Penyelia Utama • Penyelia Bersama	8 4		8 4		8 4		1. Markah untuk bahagian (iii), (iv) dan (v) akan dibahagikan dengan bilangan penyelia jika diselia secara bersama 2. Penilai kesepakaran diminta memberikan ulasan jika calon: • tidak pernah menyelia • menjadi penyelia bersama tetapi tidak pernah menjadi penyelia utama 3. Pengalaman menyelia sebelum berkhidmat dengan USM juga diambil kira

No.	Hasil	PK		PM		P		Catatan
		Setiap Hasil	Max	Markah Setiap Hasil	Max	Setiap Hasil	Max	
(c)	Penyeliaan Prasiswa (setiap projek yang selesai – pertakankan salinan halaman penghargaan laporan)				40		40	
	(i) Tahun akhir (1 markah bagi setiap 2 projek)	1		1		1		
	(ii) Tahun-tahun yang berlainan (100% kerja kursus) (1 markah bagi setiap 4 projek)	1		1		1		
	(iii) Latihan Industri/Amali (1 markah bagi setiap 5 pelajar)	1		1		1		
(d)	Perkhidmatan Profesional				25		25	
	(i) Pendidikan Berterusan (bagi setiap persembahan)	1		1		1		
	(ii) Praktis (bagi setiap tahun)							
	• Klinikal	1		1		1		
	• Kejuruteraan	1		1		1		
	• Seni Bina	1		1		1		
	• Iain-lain	1		1		1		
	(iii) Penyeliaan (bagi setiap orang)							
	• Houseman	1		1		1		
	• Chambering	1		1		1		
	• Iain-lain	1		1		1		

3.0 SANJUNGAN DAN KEPEMIMPINAN AKADEMIK

No.	Hasil	PK		PM		P		Catatan
		Setiap Hasil	Max	Setiap Hasil	Max	Setiap Hasil	Max	
(a)	Anugerah Akademik (Pengiktirafan yang diperoleh daripada badan berprestij berasaskan pencapaian akademik) • Antarabangsa • Kebangsaan	8 – 12 6 – 10		8 – 12 6 – 10		8 – 12 6 – 10		• JK PTJ sediakan senarai tambahan • Anugerah yang dicalonkan
(b)	Penilai/Pemeriksa (i) Penilai Akademik/Pemeriksa Luar/Ahli Lembaga Pengajian (ii) Pemeriksa Luar Tesis • Doktor Falsafah • Doktor Falsafah (Mod Campuran) • Doktor Falsafah (Kerja Kursus) • Sarjana • Sarjana (Mod Campuran) • Sarjana (Kerja Kursus) (iii) Pemeriksa Dalam Tesis • Doktor Falsafah • Doktor Falsafah(Mod Campuran / Kerja Kursus) • Sarjana • Sarjana (Mod Campuran / Kerja Kursus) (iv) Penilai Luar Kenaikan Pangkat • Profesor • Profesor Madya • Pensyarah Kanan	5 5 3 2 3 2 1		5 5 3 2 3 2 1		5 5 3 2 3 2 1		

No.	Hasil	PK		PM		P		Catatan	
		Markah				Max			
		Setiap Hasil	Max	Setiap Hasil	Max				
	(v) Penilai / Pemeriksa Kelayakan Profesional	2		2		2			
(c)	(i) Pensyarah Kunjungan/Saintis Kunjungan/Felo Kunjungan/ Profesor Kunjungan (tempoh pelantikan minimum sebulan) • Antarabangsa • Kebangsaan	3 – 5 1 – 2		3 – 5 1 – 2		3 – 5 1 – 2		Mesti mempunyai surat lantikan berbayar/ honorarium daripada Institusi yang dikunjungi	
	(ii) Pensyarah Kunjungan/Saintis Kunjungan/Felo Kunjungan/ Profesor Kunjungan (kurang dari sebulan) • Antarabangsa • Kebangsaan	3 1		3 1		3 1			
	(iii) Zamalah • Antarabangsa • Kebangsaan	6 – 8 3 – 5		6 – 8 3 – 5		6 – 8 3 – 5			

(d)	(i) Wasit Makalah Jurnal Akademik/ Penilai Kertas Kerja/Wasit Buku • Antarabangsa • Kebangsaan	3 – 4 1 – 2		3 – 4 1 – 2	24	3 – 4 1 – 2	24	
	(ii) Penilai Teknikal (bagi setiap pelantikan)/ Penilai Permohonan Geran (bagi setiap pelantikan) • Antarabangsa • Kebangsaan	2 – 3 1 – 2		2 – 3 1 – 2		2 – 3 1 – 2		

No.	Hasil	Markah						Catatan
		Setiap Hasil	Max	Setiap Hasil	Max	Setiap Hasil	Max	
	(iii) Ahli Panel Forum/Pembincang • Antarabangsa • Kebangsaan	3 – 4 1 – 2		3 – 4 1 – 2		3 – 4 1 – 2		

(e)	<p>Sidang Editorial (bagi setiap pelantikan)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Antarabangsa • Kebangsaan 	<p>8 (ISI)</p> <p>6 (non-ISI tetapi diindeks/ disorot dalam pangkalan data antara-bangsa)</p> <p>4 (selainnya)</p> <p>3</p>		<p>8 (ISI)</p> <p>6 (non-ISI tetapi diindeks/ disorot dalam pangkalan data antara-bangsa)</p> <p>4 (selainnya)</p> <p>3</p>		<p>8 (ISI)</p> <p>6 (non-ISI tetapi diindeks/ disorot dalam pangkalan data antara-bangsa)</p> <p>4 (selainnya)</p> <p>3</p>	
(f)	<p>Penyampai syarahan jemputan / Ucaptama (Persidangan, Seminar, Simposium serta forum akademik lain yang seumpama dengannya)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Antarabangsa • Kebangsaan 	<p>6 – 8 3 – 5</p>		<p>6 – 8 3 – 5</p>		<p>6 – 8 3 – 5</p>	

No.	Hasil	PK		PM		P		Catatan
		Setiap Hasil	Max	Setiap Hasil	Max	Setiap Hasil	Max	
(g)	Anugerah Inovasi • Antarabangsa • Kebangsaan	2 1		2 1		2 1		Ambil kira markah yang tertinggi sahaja berdasarkan produk. Pembahagian markah dengan pencipta lain bagi produk yang sama
(h)	Keahlian Persatuan Profesional/ Akademik (i) Exco (bagi setiap pelantikan) • Antarabangsa • Kebangsaan (ii) Ahli (bagi setiap persatuan) • Antarabangsa • Kebangsaan (iii) AJK Persidangan/Seminar/Bengkel • Antarabangsa • Kebangsaan	2 1		2 1	20	2 1	20	

4.0 Perundingan

No.	Hasil	PK		PM		P		Catatan
		Setiap Hasil	Max	Setiap Hasil	Max	Setiap Hasil	Max	
(a)	Perundingan Dengan Ganjaran Kewangan Universiti/Pusat Pengajian/Personel							Nilai kontrak boleh dijumlahkan
	(i) Ketua Perunding							
	• Bercorak Akademik							Markah per projek dibahagikan dengan jumlah yang diterima oleh Universiti dan bilangan perunding
	- Antarabangsa (per RM100,000 per projek)	3		3		3		
	- Kebangsaan (per RM100,000 per projek)	2		2		2		
	• Bercorak Penyelidikan							
	- Antarabangsa (per RM50,000 per projek)	3		3		3		
	- Kebangsaan (per RM50,000 per projek)	2		2		2		
	• Bercorak Perkhidmatan							
	- Antarabangsa (per RM10,000 per kontrak)	2		2		2		
	- Kebangsaan (per RM10,000 per kontrak)	1		1		1		
	(ii) Perunding Bersama							
	• Bercorak Akademik							
	- Antarabangsa (per RM100,000 per projek)	1		1		1		
	- Kebangsaan (per RM100,000 per projek)	1		1		1		

No.	Hasil	Markah			Catatan		
		PK		PM			
		Setiap Hasil	Max	Setiap Hasil	Max	Setiap Hasil	Max
	<ul style="list-style-type: none"> • Bercorak Penyelidikan <ul style="list-style-type: none"> - Antarabangsa (per RM50,000 per projek) - Kebangsaan (per RM50,000 per projek) • Bercorak Perkhidmatan <ul style="list-style-type: none"> - Antarabangsa (per RM10,000 per kontrak) - Kebangsaan (per RM10,000 per kontrak) 	1 1 1 1		1 1 1 1		1 1 1 1	
(b)	Pengkomersialan Produk Penyelidikan (per produk)	5		5		5	
(c)	Perundingan Tanpa Ganjaran Kewangan (dengan surat pelantikan/ laporan perundingan) <ul style="list-style-type: none"> • Antarabangsa • Kebangsaan 	3 2		3 2		3 2	

5.1 KECEMERLANGAN KHAS

5.2 Khidmat kepada Universiti

No.	Hasil	Markah			Catatan		
		PK		PM			
		Setiap Hasil	Max	Setiap Hasil	Max	Setiap Hasil	Max
(a)	Pentadbiran (bagi setiap pelantikan) - Naib Canselor - Timbalan Naib Canselor - Dekan/Pengarah - Timbalan Dekan/Timbalan Pengarah/Penyelaras Unit/Penggawa - Pengerusi Rancangan/Penolong Penggawa/Felo/Pengurus Program	10 8 6 4 2		10 8 6 4 2	20	10 8 6 4 2	20
(b)	Jawatankuasa Universiti - Ahli atas dasar peribadi	1 - 2		1 - 2	10	1 - 2	10
(c)	Jawatankuasa Pusat Pengajian - Ahli atas dasar peribadi	1		1	6	1	6
(d)	Mewakili Universiti (Sukan dan Kegiatan Bukan Akademik)	1		1	4	1	4

5.3 Libatsama Komuniti/Industri

No.	Hasil	Markah			Catatan			
		PK		PM				
		Setiap Hasil	Max	Setiap Hasil	Max	Setiap Hasil	Max	
	Penglibatan dalam aktiviti pada peringkat: (I) Antarabangsa (II) Kebangsaan (III) Negeri (IV) Daerah/Kampung/Institusi (contoh: PIBG, JKKK, RELA, Rukun Tetangga)	4 3 2 1		4 3 2 1	12 9 6 3	4 3 2 1	12 9 6 3	

LAMPIRAN A**RANGKA TUGAS DAN KEANGGOTAAN JAWATANKUSA PENSYARAH KANAN, PROFESOR MADYA DAN PROFESOR**

Perwakilan Universiti			
Jawatankuasa	Jawatankuasa Penilaian Awal	Jawatankuasa Pemilih	Lembaga Gabenor Universiti (LGU)
Rangka Tugas Jawatankuasa	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menilai borang permohonan 2. Menyediakan faktor penormalan 3. Menetapkan titik "cut-off" untuk penentuan calon-calon yang butir jayadirinya dihantarkan kepada Penilai Luar bagi Profesor Madya dan Profesor dan ke Jawatankuasa Pemilih untuk Pensyarah Kanan 4. Berbincang dengan Dekan kes-kes khas jika perlu 5. Menghantar senarai pendek kepada sekretariat untuk tindakan dan kepada Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa) dan Naib Canselor untuk pertimbangan 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menerima perakuan daripada Jawatankuasa Penilaian Awal 2. Menimbang setiap permohonan dengan mengambil kira perakuan Dekan dan Penilai-Penilai Luar (Profesor Madya & Profesor) 3. Menyediakan perakuan kepada LGU 4. Temu duga semua calon yang disenarai pendekkan (kecuali bagi jawatan Pensyarah Kanan) 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Meluluskan perakuan Jawatankuasa Pemilih
Pengerusi Jawatankuasa	Dilantik oleh Naib Canselor	Naib Canselor (Profesor) TNC (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa) (Pensyarah Kanan & Profesor Madya)	Pengerusi LGU dilantik oleh Menteri Pengajian Tinggi
Ahli Jawatankuasa	Dilantik oleh Naib Canselor	Seperti yang ditetapkan oleh Perlembagaan & Statut Universiti.	Ahli LGU seperti yang ditetapkan oleh Akta dan dilantik oleh Menteri Pengajian Tinggi
Sekretariat	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	Pejabat Pendaftar
Catatan	Terdapat 5 Kelompok dalam Jawatankuasa Penilai Awal: Sains Tulen,Sains Gunaan,Sastera,Kejuruteraan,Bio-Perubatan	Jawatankuasa yang ditetapkan oleh Statut Universiti	Badan Tertinggi Universiti